

NO. SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO

TARIKH : 15 MAC 2017

RUJUKAN : 9635

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan orang yang ditahan untuk kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan sejak 2010, (dari tahun ke tahun) dan mengikut negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Pencegahan Jenayah 1959 telah dipinda pada tahun 2013 bagi menangani jenayah berat dan jenayah terancang. Pindaan ke atas Akta ini dilakukan berikutan berlakunya peningkatan yang ketara kes-kes jenayah berat dan jenayah terancang sehingga memaksa Kerajaan untuk menguatkan undang-undang sedia ada. Justeru itu, pada 1 April 2014, Kerajaan telah menguatkuasakan pindaan ke atas Akta Pencegahan Jenayah 1959 bagi mengekang isu jenayah berat dan jenayah terancang daripada terus berlaku.

Sejak pindaan kepada Akta ini mula dikuatkuasakan sehingga 22 Februari 2017, seramai 2,303 orang telah diambil tindakan di bawah Akta tersebut. Daripada jumlah tersebut, seramai 643 orang telah dikenakan Perintah Tahanan manakala baki 1,660 orang pula telah dikenakan Perintah Pengawasan Polis.

Bagi Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) pula, SOSMA merupakan suatu akta yang digubal untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ini jelas menunjukkan bahawa SOSMA merupakan suatu undang-undang berbentuk prosedur sahaja manakala jenis-jenis kesalahan yang

melibatkan kesalahan keselamatan telah dinyatakan di dalam Jadual Pertama Akta tersebut.

Berhubung statistik orang yang ditahan di bawah Akta ini pula, sejak Akta ini mula dikuatkuasakan iaitu pada 31 Julai 2012 sehingga 22 Februari 2017, seramai 979 orang telah ditahan di bawah Akta tersebut.